

**UNDANG – UNDANG KECIL**

---

**CETAKAN SEMULA**

---

**UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN  
KESALAHAN- KESALAHAN)  
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA)  
JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2005**

Mengandungi segala pindaan hingga 10 Disember 2020.

DITERBITKAN OLEH  
JABATAN UNDANG-UNDANG  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
2021



**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974**

**UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-  
KESALAHAN) (MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA)  
JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2005**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**KOMPAUN**

4. Pengkompaunan kesalahan
5. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

**BAHAGIAN III**

**AM**

6. Pembatalan dan peruntukan peralihan

**JADUAL PERTAMA**

**JADUAL KEDUA**

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-  
KESALAHAN) (MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA)  
JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Majlis Bandaraya Subang Jaya membuat, dan Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut :

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Bandaraya Subang Jaya), Jalan Parit, dan Bangunan 2005.**

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

**Pemakaian**

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah dipakai bagi kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

**Tafsiran**

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika kandungannya menghendaki makna yang lain –

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya Subang Jaya.

BAHAGIAN II

KOMPAUN

**Pengkompaunan kesalahan**

4. (1) Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di dalam ruang A Jadual Pertama boleh dikompaun dengan jumlah bayaran sebagai mana dinyatakan di dalam ruang B Jadual Pertama.

(2) Datuk Bandar, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah perenggan (1) dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar atau Setiausaha, Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalah itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

### **Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran**

5. (1) Jumlah wang yang boleh dikutip oleh Majlis bagi mengkompaun suatu kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta hendaklah tidak boleh melebihi lima puluh peratus daripada kadar maksima denda yang boleh dikenakan.

(2) Segala wang pembayaran kompaun hendaklah dibayar dengan wang tunai atau kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau bank draf yang dibuat untuk dibayar kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja". Pembayaran juga boleh dibuat melalui apa-apa cara lain seperti yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(3) Pembayaran boleh diserahkan di pejabat Majlis atau di mana-mana cawangan yang ditetapkan oleh Majlis, dan sekiranya bayaran dibuat melalui pos, ianya hendaklah dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Subang Jaya.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dimasukkan sebagai wang hasil Majlis Bandaraya Subang Jaya dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang telah diberikan tawaran menkompaun itu.

(5) Tawaran untuk mengkompaun sebarang kesalahan tersebut dan penerimaan tawaran hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Kedua.

## BAHAGIAN III

## AM

**Pembatalan dan peuntukan peralihan**

6. (1) Undang-Undang Kecil (Mengkompau Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Petaling) Jalan, Parit dan Bangunan 1993 [*Sel.P.U.15*] adalah dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, esen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

## JADUAL PERTAMA

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-  
KESALAHAN) (MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA)  
JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2005

[Undang-undang kecil 4]

No.	A Kesalahan-Kesalahan	B Had Jumlah Bayaran Kompaun
a.	Seksyen-seksyen - 72(4), 84(2) dan 124(3)	Tidak melebihi RM 125.00
b.	Seksyen-seksyen – 4(3), 29(3), 30(2), 31(2), 38(2), 39(1), 46(1), 47(1), 56(2), 57(2), 76(2), 78(2), 79(4), 87(5) dan 104(3)	Tidak melebihi RM 250.00
c.	Seksyen-seksyen – 9(9), 34(3), 39(2), 40(2), 41(2), 41(3), 42(3), 43(2), 47(2), 55(1), 55(4), 58(4), 59(3), 80 dan 100	Tidak melebihi RM 500.00
d.	Seksyen-seksyen – 9(7), 52(4), 82(3) dan 85(3) atau kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana Undang-Undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini.	Tidak melebihi RM 1,000.00
e.	Seksyen-seksyen – 16(3) dan 17(4)	Tidak melebihi RM 2,500.00

**ENAKMEN 19**

---

No.	A Kesalahan-Kesalahan	B Had Jumlah Bayaran Kompaun
f.	Seksyen-seksyen – 73(1), 73(2), 121(1) dan apa-apa kesalahan lain di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata	Tidak melebihi RM 5,000.00
g.	Seksyen – 70(11) dan 70(12)	Tidak melebihi RM 12,500.00
h.	Seksyen-seksyen – 70(13) dan 70A(9)	Tidak melebihi RM 25,000.00
i.	Seksyen – 70B(15) dan 85A(13)	Tidak melebihi RM 50,000.00
j.	Seksyen – 70(27)	Tidak melebihi RM 125,000.00
k.	Seksyen – 71	Tidak melebihi RM 250,000.00

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-  
KESALAHAN) (MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA)  
JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2005

**BORANG 1**

[Undang-undang kecil 5]

*TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN*

Kepada

.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,

Rujukan.....

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut :

Peruntukan undang-undang berkaitan: .....

Tarikh: ..... Waktu: .....

Tempat: .....

Butir-butir kesalahan: .....

(2) Tuan/puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Bandaraya Subang Jaya) Jalan, Parit dan Bangunan 2005, saya bersedia dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak RM.....

Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau bank draf yang dibuat untuk dibayar kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja" atau boleh diserahkan dengan sendiri ke alamat yang berikut.....

.....Pembayaran melalui pos mestilah dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Subang Jaya. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila kompaun dibayar. Pembayaran juga boleh dibuat melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.



(3) Tawaran ini akan habis tempoh pada..... Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan diatas terima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah perbicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, pendakwaan akan dijalankan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh .....

\* .....

\*(Untuk ditandatangani oleh orang diberi kuasa mengkompaun dan nama serta nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangan)

---

### MENERIMA TAWARAN MENGGOMPAUN

Kepada:  
Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Subang Jaya  
Selangor Darul Ehsan.

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan ..... dan bertarikh ..... Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama-sama ini wang tunai/ kiriman wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/bank draf bank No.....sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia.....) bagi menjelaskan bayaran kompaun ini.

Tandatangan: .....  
Nama (Huruf Besar): .....  
No. KP: .....  
Alamat: .....  
Tarikh: .....

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam mesyuaratnya pada 30 Ogos 2005.  
[PU. Sel. Am 0283]

**DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN**  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Subang Jaya*